

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

## 1 Apakah itu Program Bina Kerjaya?

- Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal merupakan program inisiatif daripada Kerajaan di bawah Belanjawan 2023 yang bertujuan untuk memperkasakan pasaran buruh bagi meningkatkan potensi individu yang sedang bekerja di bawah Sektor Tidak Formal untuk memperoleh pekerjaan formal melalui pengiktirafan pencapaian terdahulu (RPEL), *microcredential* atau pensijilan profesional atau kompetensi yang diiktiraf IPTA / IPTS / JPK / MQA / badan ikhtisas / pusat bertauliah yang diiktiraf oleh badan peneraju industri seperti ACCA , BOE, MIA .
- Kumpulan sasaran bagi Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal adalah pekerja gig atau Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah.
- Bagi tujuan ini, program peningkatan kemahiran secara *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL), microcredentials atau latihan profesional akan diberikan kepada individu mengikut syarat kelayakan minima. Program ini akan dijalankan menerusi tanggungan bayaran latihan sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan dan elaun RM300 sebulan bagi tempoh maksima untuk 3 bulan.

## 2 Apakah itu pekerjaan sektor tidak formal?

- Pekerjaan sektor tidak formal membawa maksud semua jenis pekerjaan lain selain aktiviti pekerjaan formal. Ianya termasuk pekerja gig, bekerja sendiri, kerja kampung atau petani, nelayan atau seumpamanya serta peniaga sambilan kecil-kecilan di pasar malam atau di tepi jalan.

## 3 Apakah yang dimaksudkan dengan pengajian RPEL dan microcredentials?

- RPEL yang juga dikenali sebagai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) adalah merupakan satu kaedah memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki secara Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).
- Microcredentials atau “pentaulahan-mikro” merupakan satu konsep pensijilan secara digital atau satu sistem pentaulahan yang memberikan pengiktirafan terhadap pemerolehan atau peningkatan pengetahuan, kemahiran atau kompetensi spesifik pada kadar mikro, yang diikuti oleh pelajar/peserta dalam tempoh tertentu, melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan menerusi platform fizikal atau atas talian, dengan kaedah penaksiran yang dapat mengukur pencapaian hasil pembelajaran atau kompetensi tertentu secara objektif.
- Kursus latihan yang boleh ditawarkan kepada PERKESO bagi tahap pensijilan microcredential adalah terbuka sama ada mendapat akreditasi daripada MQA atau mandiri (*stand-alone*).

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

- Kemahiran secara RPEL / microcredentials / Latihan Profesional yang diiktiraf di bawah badan bertauliahan, IPTA dan IPTS ini memberi peluang terutamanya kepada individu bekerja untuk meningkatkan kemahiran spesifik yang disyaratkan oleh majikan dan industri dalam tempoh yang singkat. Ia bertujuan untuk memastikan kekinian ilmu serta menutup jurang kemahiran (*skills gap*) yang disebabkan oleh kepesatan perkembangan pengetahuan dan teknologi masa kini.

## 4 Apakah manfaat / kelebihan Program Bina Kerjaya ini?

- Antara manfaat / kelebihan yang akan diperoleh menerusi Program Bina Kerjaya ini adalah:
  - Memberi peluang kepada individu di bawah Sektor Tidak Formal untuk mendapatkan latihan
  - Memberi peluang kepada individu untuk meningkatkan / menambah kemahiran mereka menerusi latihan Microcredentials / Latihan Profesional
  - Menghubungkan individu di bawah Sektor Tidak Formal ke Sektor Formal
  - Meningkatkan potensi peningkatan kerjaya kepada individu yang berada di bawah Sektor Tidak Formal

## 5 Apakah insentif yang disediakan di bawah Program Bina Kerjaya?

KATEGORI INSENTIF		BINA KERJAYA BAGI SEKTOR TIDAK FORMAL					
Kumpulan Sasaran		Individu yang sedang bekerja di bawah Sektor Tidak Formal seperti pekerja gig atau Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah.					
Had Umur		16 tahun sehingga 40 tahun.					
<b>INSENTIF LATIHAN - PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN (TRAINING)</b>							
melalui pengajian RPEL, <i>microcredential</i> atau pensijilan profesional atau kompetensi yang diiktiraf IPTA / IPTS / JPK / MQA / badan ikhtisas / pusat bertauliahan yang diiktiraf oleh badan peneraju industri seperti ACCA , BOE, MIA.							
Kelayakan Yuran Latihan	Kategori Persijilan RPEL dan Kompetensi	Kelayakan Yuran Latihan (Maksima) RM2,500	Kategori Persijilan Profesional dan <i>Microcredential</i>	Kelayakan Yuran Latihan (Maksima) RM4,000			
Tempoh Latihan	Minimum 40 jam.						
Bilangan Permohonan Latihan	Individu boleh memohon sehingga maksima dua (2) jenis latihan yang tertakluk kepada jumlah bayaran yuran maksima sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan.						

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

## 6 Bilakah tarikh kuatkuasa Program Bina Kerjaya?

- Tarikh kuatkuasa pelaksanaan program ini bermula pada **1 Mei 2023 sehingga 31 Disember 2023** atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh kerajaan.

## 7 Siapakah yang LAYAK menyertai Latihan di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal?

- Warganegara Malaysia.
- Individu yang berumur 16 tahun sehingga 40 tahun pada tarikh permohonan dibuat.
- Individu yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah.
- Individu yang **tidak mempunyai caruman PERKESO** di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan.
- Individu hendaklah berdaftar dan melengkapkan profil di Portal MyFutureJobs (medan nama, nombor kad pengenalan, alamat, tahap pendidikan dan pengalaman kerja)
- Keutamaan diberikan kepada individu yang berminat dan bermotivasi untuk melakukan transisi daripada pekerjaan tidak formal kepada pekerjaan formal. Profiling akan dilaksanakan bersama dengan individu untuk mengenal pasti individu yang bermotivasi untuk melaksanakan transisi pekerjaan dari sektor tidak formal ke sektor formal serta pemilihan kursus yang bersesuaian.
- Individu tersebut hendaklah memenuhi salah satu daripada kriteria berikut :
  - Individu yang mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) sebelum 1 April 2023; atau
  - Individu yang hanya melakukan pekerjaan di bawah Sektor Tidak Formal semasa permohonan dibuat.

## 8 Siapakah yang TIDAK LAYAK memohon Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal?

- Bukan Warganegara Malaysia.
- Individu yang berumur kurang daripada 16 tahun serta individu yang berumur 40 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan dibuat.
- Individu yang mempunyai tahap pendidikan diploma dan ke atas.
- Individu yang mempunyai caruman PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) untuk tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan.

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

- Individu yang sedang aktif bekerja di bawah sektor formal sewaktu permohonan dilakukan.
- Semua pekerja di sektor awam / badan berkanun persekutuan & negeri / badan berkanun yang diasangkan saraan / pihak berkuasa tempatan.

## 9 Bagaimanakah permohonan latihan boleh dilakukan di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal?

- Individu boleh mengemukakan permohonan bagi program ini melalui Portal Kerjaya Madani - Bina Kerjaya di pautan <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my> seperti Jadual 1.

## 10 Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan latihan Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal?

- Dokumen-dokumen mandatori yang diperlukan adalah seperti berikut:
  - i. Kad Pengenalan (hadapan dan belakang)
  - ii. Maklumat akaun bank (persendirian)
  - iii. Pembuktian bekerja tidak formal di digital platform atau;
  - iv. Sijil/lesen bekerja rasmi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau setaraf atau;
  - v. Borang Perakuan Bekerja Sendiri

## 11 Apakah tanggungjawab individu yang menghadiri latihan di bawah Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal?

- Individu perlu menghadirkan diri ke program latihan seperti kelulusan surat kelulusan (*Approval Letter*) dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelulusan surat kelulusan. Sekiranya memerlukan penangguhan tarikh, peserta boleh berurusan dengan penyedia latihan bagi menukar tarikh latihan yang baharu.
- Individu perlu memaklumkan kepada pihak penyedia latihan sekiranya peserta tidak dapat hadir menjalani latihan atau kursus yang telah dipersetujui dengan alasan atau sebab yang kukuh.
- Kegagalan individu untuk melampirkan dokumen sokongan sebab tidak menghadiri latihan dengan alasan yang tidak munasabah akan mengakibatkan Elaun Latihan pada bulan tersebut tidak dibayar.
- Individu yang memohon hendaklah mengemukakan nombor telefon individu serta pasangan/waris/keluarga yang boleh dihubungi. Sekiranya nombor yang dikemukakan tidak dapat dihubungi, PERKESO berhak untuk menolak permohonan latihan tersebut.

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

- Individu hendaklah menyimpan rekod dan dokumen yang digunakan dalam permohonan sekurang-kurangnya 3 tahun untuk rujukan dan semakan PERKESO.

**12 Adakah individu boleh menjalani latihan tanpa surat kelulusan (*Approval Letter*)?**

- Tidak. Individu hendaklah mendapat kelulusan surat kelulusan (*Approval Letter*) terlebih dahulu sebelum menjalani latihan seperti yang tertera di surat kelulusan.

**13 Sekiranya surat kelulusan (*Approval Letter*) telah dikeluarkan oleh PERKESO, adakah individu boleh membuat permohonan lanjutan tempoh surat kelulusan tersebut?**

- Tidak. Permohonan lanjutan tempoh surat kelulusan tersebut hanya boleh dilakukan oleh Penyedia Latihan. Surat kelulusan (*Approval Letter*) hanya sah bagi tempoh 30 hari daripada tarikh dikeluarkan.

**14 Sekiranya surat kelulusan (*Approval Letter*) telah dikeluarkan oleh PERKESO, adakah individu boleh membuat permohonan pertukaran kursus yang lain?**

- Tidak. Individu hendaklah menghadiri latihan seperti yang telah diluluskan.

**15 Adakah PERKESO akan menanggung kos peperiksaan ulangan sekiranya individu gagal dalam peperiksaan yang telah dijalankan oleh Penyedia Latihan?**

- Tidak. Bagi kursus latihan yang ada melibatkan peperiksaan, PERKESO tidak akan menanggung apa jua kos bagi sebarang peperiksaan ulangan. Peperiksaan ulangan adalah peperiksaan yang perlu diduduki semula oleh individu akibat kegagalan semasa peperiksaan yang pertama.

**16 Adakah Penyedia Latihan boleh menggunakan khidmat pihak ketiga bagi tujuan menjalankan latihan?**

- Tidak. Latihan tidak boleh dijalankan dengan menggunakan perkhidmatan pihak ketiga. Penyedia latihan adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk meminta peserta ke latihan yang dijalankan oleh penyedia latihan lain walaupun kandungan kursus adalah sama atas dasar kerjasama bersama penyedia latihan lain.

**17 Berapa bilangan latihan yang boleh dihadiri oleh individu di bawah Bina Kerjaya?**

- Individu yang layak boleh menghadiri latihan sehingga maksimum dua (2) jenis latihan dan tertakluk kepada jumlah bayaran yuran maksima sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan.

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

## 18 Bagaimanakah tuntutan Elaun Latihan boleh dilakukan?

- Bayaran Elaun Latihan akan diproses terus oleh PERKESO secara bulanan. Individu tidak perlu untuk mengemukakan permohonan Elaun Latihan.

## 19 Bagaimanakah pembayaran Elaun Latihan dilaksanakan?

- Permohonan latihan individu yang telah diluluskan adalah layak untuk menerima Elaun Latihan yang berjumlah RM300 sebulan untuk tempoh maksima 3 bulan mengikut kriteria berikut:

BULAN	AKTIVITI LATIHAN	JUMLAH ELAUN LATIHAN
Pertama	Hadir Latihan pada bulan pertama	RM 300 Sebulan
Kedua	Hadir Latihan pada bulan kedua	RM 300 Sebulan
Ketiga	Hadir Latihan pada bulan ketiga	RM 300 Sebulan

- Elaun Latihan akan dikreditkan ke dalam akaun bank individu dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima.
- Pemohon hendaklah memenuhi tempoh latihan bersama pihak penyedia latihan bagi sesuatu bulan untuk melayakkan mendapat Elaun Latihan bagi bulan tuntutan tersebut.

## 20 Adakah individu yang menyertai latihan akan menerima Elaun Latihan di bawah Program Bina Kerjaya sekiranya tidak hadir kursus atau latihan yang telah dipersetujui?

- Tidak. Elaun Latihan **TIDAK AKAN DIBAYAR** sekiranya individu tidak hadir tanpa alasan atau sebab yang kukuh.

## 21 Bagaimanakah semakan status permohonan Latihan dan Elaun Latihan boleh dilakukan?

- Individu boleh melakukan semakan status permohonan di Portal Kerjaya Madani – Bina Kerjaya di laman sesawang <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>.

## 22 Bilakah tarikh akhir Elaun Latihan akan dibayar di bawah program ini?

- Tarikh akhir bagi pembayaran Elaun Latihan di bawah program Bina Kerjaya adalah pada **30 April 2024**. Walau bagaimapun, program ini adalah tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh kerajaan.

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

**23 Apakah tindakan yang boleh diambil PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah tidak benar ataupun palsu?**

- PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- i. **Menolak tuntutan** oleh peserta/penyedia latihan jika peserta/penyedia latihan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu, tidak benar atau tidak betul sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, atau jika peserta/penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas; atau
- ii. **Menangguhkan dan memberhentikan** bayaran jika tuntutan atau bayaran yang dibuat oleh PERKESO adalah berdasarkan maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau jika peserta atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas; atau
- iii. **Mengambil apa-apa tindakan undang-undang** menerusi laporan kepada mana-mana agensi yang berkaitan untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar kepada peserta dan penyedia latihan, sekiranya peserta atau penyedia latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau peserta atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut; dan
- iv. **Menggantung atau menangguhkan** kelayakan tuntutan baharu daripada peserta latihan yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.

**24 Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Program Bina Kerjaya Sektor Tidak Formal?**

- Kunjungi [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) untuk maklumat lanjut.
- Individu yang berminat boleh juga menghubungi talian perkhidmatan khas kami di 1-300-22-8000 atau aduan secara atas talian melalui <https://epertanyaan.perkeso.gov.my>.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
DIKEMASKINI PADA 27 APRIL 2023**

# Program Bina Kerjaya Bagi Sektor Tidak Formal Di Bawah Belanjawan 2023 (Peserta Latihan)

## Jadual 1 - Tatacara Permohonan Program Bina Kerjaya Oleh Individu

Individu berdaftar di Portal MYFutureJobs



Individu berdaftar di Portal Kerjaya MADANI dan melengkapkan maklumat



Ujian Psikometrik bagi tujuan Profiling untuk mengenal pasti individu yang bermotivasi dan berminat untuk program transisi.



Pilih Latihan berdasarkan pengesoran keputusan Profiling (bagi individu yang lulus kelayakan dan syarat yang ditetapkan)



Hadir Latihan yang telah diluluskan di dalam tempoh sah surat kelulusan yang dikeluarkan oleh PERKESO



Terima bayaran Elaun Latihan berdasarkan laporan kehadiran yang telah dikemukakan oleh Penyedia Latihan.